



Perdana Menteri Berdansa

Sofiah binti Uthman (Ikhwan 875) Kota Tinggi Johor

bertanya: Sedikit masa yang lalu akhbar Melayu tempatan telah menyiarkan sebuah gambar yang menunjukkan Tuan Suhrawardy Perdana Menteri Pakistan dalam lawatannya di Bangkok telah berdansa di kedutaan Perancis. Tidakkah Pakistan dalam bulan Mac tahun yang lalu telah mengisytiharkan kerajaannya sebagai sebuah negara Islam? Adakah Perdana Menteri itu bukan daripada parti Islam; atau adakah di dalam negara Pakistan sahaja hukum-hukum Islam dijalankan dan hanya dijalankan oleh rakyat Pakistan sahaja? Haraplah tuan dapat memberi keterangan dalam hal ini!.

Jawab: Pakistan ialah sebuah negara yang pertama di dalam dunia mengisytiharkan bahawa negaranya ialah negara Islam yang menjalankan hukum-hukum Islam dalam negerinya mengikut kitab Allah dan sunnah Rasul dengan menjalankan tujuan-tujuan akhirnya dengan beransur-ansur. Hukum Islam dalam keadaan-keadaan yang ada sekarang, tidak akan dapat terus berjalan – maka dengan sebab itu jalannya diansur-ansur tetapi semuanya ditujukan kepada matlamat yang akhir iaitu disendikan kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya (SAW).

Sepanjang pengetahuan kita bahawa Tuan Suhrawardy ialah seorang Islam kerana telah ditetapkan bahawa tidak boleh orang yang bukan Islam dilantik menjadi Perdana Menteri Pakistan.

Perbuatan berdansa yang demikian itu sebenarnya ialah satu

pelanggaran yang tidak patut dilakukan oleh seorang Perdana Menteri sesebuah negara Islam kerana sekiranya ketua negara itu sendiri melanggar hukum-hukum negaranya yang sudah terang haramnya, maka dengan sendirinya akan menghilangkan kepercayaan umat Islam sendiri dan akan menjadi ejekan daripada orang-orang lain – yakni hukum-hukum Islam itu tidak dihormati oleh kaum itu sendiri – tidak sahaja oleh orang awamnya tetapi oleh Perdana Menterinya yang bertanggungjawab menjalankan pemerintahan negerinya.

Hukum agama Islam itu tidak sahaja diuntukkan kepada rakyat untuk menjalankannya, tetapi juga terutamanya, oleh ketua-ketua mereka sendiri. Oleh itu salah dan memalukan benar perbuatan ini di mata ramai! Hal ini sepatutnya ditegah oleh ahli-ahli Parlimen Pakistan supaya jangan perbuatan yang cuai itu berlaku lagi.

Dahulu pernah juga berlaku bahawa perwakilan Pakistan di Singapura ini menghidangkan minuman-minuman keras menyambut Hari Jadi Pakistan tetapi setelah ditegur oleh orang ramai maka diberi akuan bahawa yang demikian tidak akan berlaku lagi.

* *

Ali bin Samat (Ikhwan 2198), bertanya: Bidaahkah atau tidak keluarga Si Mati mengeluarkan wang dan diserahkan kepada Pak Kiyai (khabarnya wang itu dihantar ke Mekah?) untuk membayar sembahyang dan puasa Si Mati itu, kerana Si Mati tidak mengerjakan perintah-perintah itu (pendapat keluarga tersebut tadi) – dari itu bolehkah terbayar sembahyang dan puasa itu?.

Jawab: Tidak ada satu keterangan di dalam agama Islam yang meluluskan seseorang menebus dosa seseorang yang telah membiarkan dirinya tidak melakukan perintah-perintah Tuhan seperti sembahyang itu. Sembahyang dan

dosa-dosa yang lain yang dilakukan oleh seseorang itu tidak dapat ditebus. Tidak ada fidyah atas sembahyang. Yang ada fidyah hanya bagi puasa yang tertinggal dengan sebab-sebab yang tertentu yang ditentukan oleh Tuhan.

* * *

Ahmad Bachik, Kampung Tanjung Berangan, bertanya:

Di kampung saya bolehlah dikatakan setiap tahun apabila sampai malam Nisfu Syaaban segala orang kampung berkumpul di masjid membaca Yaasin. Sebab itu saya ingin mendapat tahu: Adakah diwajibkan demikian? Apakah hukumnya? dan pernahkah dibuat oleh Rasulullah dan sahabat-sahabatnya? Jika pernah, tahun berapakah terjadi perkara itu, dan sebutlah hadis atau ayat *al-Qur'ān* berkenaannya dan apakah erti Nisfu Syaaban di dalam pandangan syarak dan Islam.

Jawab: Malam nisfu Syaaban, tidak syak lagi suatu malam yang berbahagia sebagaimana yang terkandung di dalam beberapa buah hadis. Di antaranya hadis Sayyidatinā 'Ā'ishah *radīyā Allāhu 'anhā* yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Tirmizi dan Ibn Majah, dan kerana itu orang-orang Islam sayugialah membanyakkan ibadat pada malam yang berbahagia itu seperti yang telah dilakukan oleh Rasul Allah (SAW). Tetapi ibadatnya ini dikerjakan di rumahnya bukan di masjid.

Jadi, perbuatan ini berhimpun di masjid pada malam – nisfu Syaaban, sebagaimana yang lazim dibuat sekarang, dan membaca Yaasin tiga kali diselangi dengan membaca doa nisfu Syaaban yang masyhur itu, tidak pernah dibuat oleh Nabi, hanya diada-adakan oleh orang yang kemudian.

* * *

S. Afendi guru agama, Parit Kassim, Batu Pahat

bertanya: Saya telah mendatangkan beberapa pertanyaan kepada Mufti kerajaan Johor dan jawapan-jawapan yang diberi kepada pertanyaan-pertanyaan

saya itu hanya dengan kata-kata: Tidak betul, tidak harus dan seumpamanya dengan tidak sedikit diberi keterangan di dalam jawapannya kepada pertanyaan-pertanyaan yang didatangkan itu. Juga saya telah mendatangkan pertanyaan kepada beliau tentang buku soal jawab karangan al-Ustaz Hasan bin Ahmad, Bandung, yang di dalamnya saya baca banyak menerangkan sesuatu masalah dengan hujah-hujah daripada *al-Qur'ān* dan al-hadis dan saya dapati banyak bersalahan dengan apa yang saya belajar di sekolah agama kerajaan Johor? Jawapan yang saya terima, sambil memperingatkan perkara-perkara Qadiyani, beliau mengatakan bahawa ada setengah-setengah orang yang menzahirkan bahawa mereka orang yang berjihad di dalam agama dan membawa masalah-masalah khilafiah kepada orang-orang awam dengan bertujuan supaya orang-orang awam meninggalkan mazhab Shafie dan terpengaruh masuk Qadiyani. Tentang kitab “Soal Jawab” jawapan yang diberi, beliau berkata ada melihat kitab itu yang di dalamnya, pada pendapat beliau penuh dengan salah, bohong dan kejahilan.

Jawab: Di dalam lampiran yang tuan hantarkan kepada kami, kami dapati jawapan-jawapan yang diberi kepada pertanyaan tuan tidak diberi keterangan-keterangan yang mensabitkan betul atau tidaknya sesuatu perkara itu. Kerana itu, menurut kebiasaan, maka terpulang kepada tuan untuk menerima atau tidak

- sambungan dari muka 12

di dalam pekerjaan perniagaan nescaya bersekutulah hati kamu. Bekerjalah kamu bagi kebajikan perhimpunan kamu. Saya telah lama sangat kita merasa bahaya perceraian dan berpecah belah masing-masing memelihara diri sendiri. Segera, segera!! Sebelum luput masa yang boleh. Kerana hampirlah masa sekalian bangsa-bangsa yang lain itu akan menyekat pula segala pintu kelabaan dan menyumbat lubang kemajuan ketika itu apakah guna segala peringatan lagi? -Muka surat 41- tetapi menurut pandangan kita, adalah tersangat molek

tetapi menurut pandangan kita, adalah tersangat molek seboleh-bolehnya memberi jawapan dengan berketerangan, bukan sesuatu fatwa diberi jawapan hanya dengan kata-kata: Tidak betul, tidak harus dan sebagainya dengan tidak diberi keterangan-keterangan padanya.

Jawapan yang diberi oleh Tuan Mufti Johor ke atas pertanyaan tuan di atas (daripada lampiran yang disertakan) bahawa: “Kitab “Soal Jawab” saya ada lihat di dalamnya penuh dengan salah bohong dan kejahilan.”

Adakah tuan percaya dengan fatwa yang demikian setelah tuan menatap sendiri kitab “Soal Jawab” itu?

Itu terpulang kepada tuan, tetapi menurut pandangan kita, Tuan Mufti seharusnya menunjukkan di mana yang salahnya supaya jangan dengan mutlak begitu sahaja supaya orang-orang awam tidak terikut-ikut buta, tidak pakai borong pula kerana pertukaran fikiran di dalam masalah-masalah itu patut diselenggarakan dengan baik. Sepatutnya Tuan Mufti membuat satu kitab merad kitab “Soal Jawab” itu untuk pengetahuan orang-orang awam di mana ada salahnya, jika ada, dan betapa benarnya mengikut pengetahuan dan pendapatnya sebab di dalam kitab “Soal Jawab” itu kebanyakannya masalah-masalah yang dijawabnya adalah berasaskan kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya – adakah orang ramai akan berasa bahawa keterangan yang tepat daripada kitab Allah dan sunnah Rasul (SAW) itu yang dijadikan keterangan di dalam kitab “Soal Jawab” itu bohong, salah dan kejahilan? Jadi patut benar Tuan Mufti membuat rad di atas kitab itu tidak dengan mutlak sahaja supaya dapat hujah-hujahnya untuk pertimbangan ramai.

Jawapan kepada fatwa yang didatangkan kepada tuan tidak satu pun ada keterangan-keterangan yang diberi dan oleh yang demikian sepatutnya sesuatu fatwa hendaklah diberi keterangan-keterangan dalamnya supaya kita dapat menerimanya. Fatwa-fatwa yang diberi Semoleknya dengan ada keterangan – tidak hanya dengan kata: betul

boleh, harus dan sebagainya dengan tidak ada hujah-hujahnya.

Sindiran-sindiran tentang orang-orang membahas perkara khilafiah atau orang-orang yang mengaku berjihad itu sebagai lingkungan Qadiyani sepanjang pendapat kita tidak molek dicampurkan begitu sahaja sebab banyak kita membaca orang-orang yang disindir itu baik sudah menghalang dan menyerang perjalanan Qadiyani dengan terang-terang dan sangat berani.

* * *

Muhammad Amin bin Soleh, Kampung Nangka, Sibul, bertanya: (1) Tua Kampung Abang Haji Ibrahim, Kampung Datu, Sibul, telah bersyarah dalam masjid Sibul, pada tahun akan datang ini tiada dibenarkan kaum Muslimin di Sibul mengadakan perarakan-perarakan besar sebagai menyambut Hari Maulid Nabi Muhammad (SAW) seperti yang telah dibuat oleh sekalian kaum Muslimin di muka dunia pada beberapa masa yang sudah-sudah kerana pekerjaan demikian semua bidaah.

Jawab: Memang jelas bahawa semua pertubuhan-pertubuhan Islam di India, Indonesia dan Malaya mengetahui bahawa langkah-langkah mengadakan perayaan Maulid al-Nabi (SAW) itu ialah suatu langkah yang tidak disuruh oleh Allah dan Rasul-Nya dan mereka mengetahui juga perayaan yang demikian tidak dibuat di negeri-negeri Arab. Mereka lakukan yang demikian adalah untuk menunjukkan perasaan kasih dan cinta mereka dengan tidak pula di dalamnya membuat iktikad-iktikad yang lain.

Sebaik-baiknya peringatan yang dibuat ialah menjalankan suruhannya dan menjauhi tegahannya. Dengan kita bekerja kepada yang demikian itu tentulah baik dan lebih sempurna. Keadaan dunia sekarang menghendaki cara itu memperingatinya maka buatlah yang demikian dengan kadarnya – tidak berlebihan dengan syarat diketahui jalan dan tujuannya.

Keterangan Tua Kampung itu pada segi hukum sememangnya tepat dan kerana itu penyelenggaraan yang demikian terpulang kepada bijaksana saudara-saudara sendiri.